

PM terima Anugerah Kepimpinan Global

BH-12/3/2007

Oleh Shamshul Azree Samshir

PUTRAJAYA: Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi menjadi penerima pertama Anugerah Kepimpinan Global Yayasan Napoleon Hill, sebuah institusi pendidikan berpusat di Amerika Syarikat, sebagai mengiktiraf kepemimpinan global dan dedikasi Perdana Menteri membangunkan negara.

Anugerah itu disampaikan oleh Presiden yaysan berkenaan, James Oleson, sebelum Perdana Menteri merasmikan Konvensyen Antarabangsa Napoleon Hill 2007 di Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya (PICC) di sini, semalam.

Pengerusi Yayasan Napoleon Hill, Dr Charles Johnson, dalam perutusan yang dibacakan Oleson, berkata anugerah itu bagi mengiktiraf kepemimpinan global Abdullah yang cemerlang, selain dedikasinya terhadap pembangunan negara.

"Perdana Menteri menunjukkan khidmat penuh berdedikasi terhadap pembangunan sosioekonomi Malaysia," katanya.

Ini adalah kali pertama konvensyen itu diadakan di luar Amerika Syarikat, anjuran Napoleon Hill Associates (M) Sdn Bhd bagi menyahut seruan kerajaan membangunkan sektor modal insan.

Yayasan Napoleon Hill, sebuah institusi bukan bermotif keuntungan, ditubuhkan bagi mempromosikan falsafah yang dicetuskan Dr Napoleon Hill, seorang daripada pemikir berpengaruh di abad ini.

Dr Hill pernah menerbitkan buku motivasi berjudul *The Law of Success* pada 1928 dan *Think and Grow Rich* yang dijual lebih 25 juta naskhah di seluruh dunia. Sempena konvensyen dua hari itu, tayangan perdana filem *Millionaire Awaken Your Secret* turut dijadual berlangsung hari ini.



IKTIRAF KEPEMIMPINAN: Abdullah menerima Anugerah Kepimpinan Global Yayasan Napoleon Hill daripada James Oleson, di Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya, semalam.

Sementara itu, Abdullah dalam ucapan perasmian konvensyen itu, berkata beliau terharu dan menerima pengiktirafan itu dengan rasa rendah diri.

"Layakkah saya menerimanya?" katanya sambil disambut 'sudah tentu' oleh peserta konvensyen berkenaan.

Perdana Menteri berkata, beliau tidak akan berada di tempat sekarang tanpa sokongan rakyat Malaysia yang

sedia bekerja bersama-samanya, bukan untuk Perdana Menteri.

Abdullah juga yakin rakyat Malaysia akan terus bekerja bersama-sama beliau untuk mencapai apa yang terbaik bagi diri dan negara mereka.

"Mengubah sebuah negara dan rakyatnya bukanlah mudah. Ia memerlukan kehairahan dan ketabahan. Saya tahu rakyat negara saya berkongsi kehairahan dan ketaba-

han ini bersama saya," katanya.

Abdullah berkata, dasar kerajaan mengenai integrasi dan penyertaan pelbagai kaum akan terus menjadi asas strategi politik serta sosial negara.

"Pembangunan saksama dan kemakmuran yang dikongsi dalam sebuah persekitaran yang kompetitif akan kekal sebagai perkara asas dalam dasar ekonomi negara," katanya menyentuh mengenai kontrak sosial masyarakat pelbagai kaum di negara ini.

DAVID KHOO / BERTANI HARIAN

RDANA
DERSHIP
NDATION
YAYASAN
KEPIMPINAN
PERDANA